

Berat badan isu sensitif

u.m 19/10/07 M/S 3

MOSCOW 18 Okt. - Angkasawan pertama negara, Dr. Sheikh Muszaphar Shukor perlu memastikan berat badannya berada dalam keadaan stabil sebelum berlepas meninggalkan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), Ahad ini.

Pengarah Program Angkasawan Negara, Kolonel Dr. Zulkeffeli Mat Jusoh berkata, berat badan beliau ketika ke ISS pada 10 Oktober lalu ialah sekitar 82 kilogram dan ia perlu dikekalkan.

"Jika semasa berada di ISS berat badannya didapati meningkat melebihi 82 kilogram, Sheikh Muszaphar dikehendaki melakukan senaman di bilik senaman yang disediakan khas di pusat itu.

"Ia bagi memastikan kapsul Soyuz yang dinaikinya bersama dua angkasawan lain iaitu Fyodor Yurchikhin dan Oleg Kotov ketika pulang ke Bumi nanti adalah seimbang," katanya pada sidang akhbar di sini hari ini.

Sheikh Muszaphar dijangka pulang ke Bumi pada 21 Oktober ini selepas berada di ISS selama 10 hari dengan misi tertentu termasuk menjalankan pelbagai penyelidikan.

Dua angkasawan yang berlepas ke ISS bersama Sheikh Muszaphar pada 10 Oktober lalu iaitu Peggy Whitson dan Yuri Malenchenko akan menggantikan Yurchikhin dan Kotov yang telah berada di ISS sejak April lalu.

Sheikh Muszaphar, Yurchikhin dan Kotov akan menaiki kapsul Soyuz TMA-10 untuk pulang ke Bumi dan dijangka mendarat di lingkungan kawasan Arkyk di Kazakhstan.

Mengulas lanjut, Dr. Zulkeffeli berkata, ketika ini, angkasawan negara bersama Yurchikhin dan Kotov sedang sibuk melakukan persiapan untuk pulang ke Bumi.

"Bagi Sheikh Muszaphar, beliau hanya dibenarkan membawa peralatan seberat tujuh kilogram sahaja termasuk hasil penyelidikan dan barang persendirian," katanya.